

13/11/1997

Pahang dicadang bina kunci air di Sungai Chini

KUANTAN, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan kepada Kerajaan Pahang supaya sebuah kunci air dibina di Sungai Chini untuk dijadikan lokasi tumpuan pelancong dan bagi mengawal kenaikan paras air.

Justeru, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri akan mengumpul pandangan semua pihak, termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) berhubung cadangan itu sebelum menyediakan satu kertas kerja khas.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang akan bertanggungjawab menyiapkan kertas kerja berkenaan untuk dikemuka kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat dengan wakil Kementerian Pertanian, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, jabatan kerajaan, pengusaha bot di Tasik Cini, Wetland International, NGO, dan Tabung Alam Malaysia (WWF).

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan negeri, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata mesyuarat itu diadakan berikutan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melalui Kementerian Pertanian supaya membuat kajian teliti untuk membina kunci air di sungai itu.

"Dr Mahathir memberi beberapa contoh gambar kunci air dari beberapa negara seperti England dan Denmark yang didapati menarik dan boleh dijadikan lokasi tumpuan pelancong."

"Pihak urusetia yang diketuai JPS akan mengumpul maklumat itu dalam tempoh seminggu ini selepas borang kaji selidik diedarkan lebih sebulan lalu," katanya kepada pemberita, di sini.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian melalui JPS juga mengedarkan borang itu kepada 20 pengusaha bot, pengusaha chalet.

"Saya dan Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan negeri, Datuk Wan Razali Wan Mahusin, akan menjelaskan secara terperinci mengenai kebaikan pembinaan kunci air itu, khususnya kepada pengusaha bot dan chalet."

Mengikut cadangan, Shahiruddin berkata, pembinaan kunci air itu membabitkan perbelanjaan RM3 juta.

Tindakan awal yang diambil oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (Upen) ialah memohon peruntukan RM3 juta melalui Jabatan Perdana Menteri.

"Saya rasa tidak menjadi masalah kerana Kerajaan Pusat pada dasarnya bersetuju dengan cadangan membina kunci air di Sungai Chini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri juga akan mengkaji jenis bot yang sesuai, terutama bot yang tidak menggunakan petrol, sebaliknya menggunakan bateri atau kuasa elektrik untuk digunakan membawa pelancong di Tasik Chini.

Ini untuk memastikan pelancong dapat melihat keindahan sungai dan menikmati pelbagai bunyi-bunyian dari serangga, burung dan unggas.

"Wetland bersetuju dengan penggunaan bot itu kerana bunyinya tidak kuat dan air kurang berombak," katanya.

(END)